

13/05/2004

Tribunal antarabangsa patut siasat kezaliman tentera AS

By Muhd Ramadhan Fitri Ellias

MAJLIS Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) mengesyorkan supaya kerajaan menerusi Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) mengeluarkan pernyataan rasmi mengutuk sekeras-kerasnya kekejaman dan kezaliman dilakukan tentera bersekutu terhadap tahanan di Iraq.

Begitu juga selain membincangkan isu Palestin, MPMUM mengharapkan isu hangat yang menimpa rakyat Iraq juga diberi perhatian sewajarnya. Jelas tiada lagi harapan yang boleh diletakkan di atas bahu tentera bersekutu untuk memulihkan keamanan di Iraq.

Tentera bersekutu dipimpin Amerika Syarikat (AS) sewenang-wenangnya menyalahgunakan kekuatan ketenteraan semata-mata bagi mencapai agenda tersembunyi kononnya dengan alasan memerangi keganasan.

Negara yang tidak mengikut telunjuk mereka akan dikenakan pelbagai sekatan sama ada berbentuk ekonomi, politik dan juga sosial.

Ini adalah ketidakadilan yang jelas berlaku di hadapan kita. Sikap prejudis tentera bersekutu yang ditunjangi AS dan Britain dalam isu antarabangsa sewajarnya tidak boleh dibiarkan.

Tentera bersekutu bukan saja mencabul kedaulatan Iraq, malah melanggar hak asasi manusia yang terkandung dalam Deklarasi Hak Asasi Antarabangsa. Artikel 12 deklarasi itu menekankan: Hak keperibadian, keluarga, rumah atau tempat penginapan seseorang tidak harus dicabuli atau kehormatan dan maruahnya dijatuhkan. Setiap insan mempunyai hak dilindungi undang-undang daripada serangan dan pencabulan seumpama itu".

Ini membuktikan AS dan sekutunya tidak menghormati deklarasi yang disepakati bersama sebelum ini. Mereka hanya `mengkambinghitamkan' Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memenuhi kehendak mereka.

Jika selari dengan matlamat AS, mereka akan terima dan sekiranya resolusi itu bertentangan dengan agenda Bush, mereka akan tolak. Inilah sikap sebenar negara yang digelar "polis dunia".

Penduduk yang cintakan keamanan semakin menyedari bahawa impian mereka hanya sekadar bersifat utopia saja selagi AS terus menjadi kuasa besar tunggal.

Cadangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad suatu ketika dulu supaya wujud kuasa pengimbang yang dapat menyaingi pengaruh dan kekuatan AS seharusnya dinilai dan diberi perhatian lebih serius.

Seandainya wujud kuasa pengimbang ini, sekurang-kurangnya ego dan keangkuhan AS dalam menganiaya musuhnya dapat dikurangkan.

Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya (MPMUM) menyokong penuh saranan Tun Dr Mahathir mendesak Presiden George W Bush dan Setiausaha Pertahanannya, Donald Rumsfeld meletakkan jawatan berikutan kezaliman terhadap tahanan di Iraq.

Setakat ini, hanya Prebet Jeremy C Sivits daripada Kompani Polis Tentera Ke-372 serta enam askar lain dihadapkan ke mahkamah tentera, sedangkan pemimpin yang bertanggungjawab atas kekejaman ini hanya sekadar memohon maaf saja.

Harus diingat bahawa bukan ini saja kekejaman dilakukan mereka. AS sebelum ini secara terang-terangan menyokong kezaliman dan kekejaman yang dilakukan oleh tentera Israel terhadap penduduk Palestin.

Mereka jugalah yang bertanggungjawab memusnahkan Afghanistan dengan alasan memerangi kerajaan yang melindungi pengganas yang bernama Osama bin Laden dan rangkaian Al-Qaeda.

Persoalannya di sini, sejauh manakah kebenaran tuduhan itu? Di manakah

buktinya? Ini juga mencabuli Artikel 11(1) Deklarasi Hak Asasi Antarabangsa yang menyatakan: "Sesiapa saja didakwa dengan kesalahan kanun keseksaan mempunyai hak dianggap bebas sehingga dibuktikan bersalah mengikut undang-undang di satu perbicaraan awam dengan diberi jaminan diperlukan bagi mendapat pembelaan".

Berdasarkan kesalahan jenayah dilakukan AS dan sekutu-sekutunya, MPMUM mencadangkan agar suatu tribunal penyiasatan antarabangsa ditubuhkan bagi membawa penjenayah antarabangsa ini ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa di Istana Keamanan di Hague, Belanda.

Jika kes di Rwanda dan Yugoslavia diadili, tidak ada sebab AS diberi keistimewaan tertentu yang menghalang mereka dibicarakan di mahkamah antarabangsa.

Selain itu, NAM harus memainkan peranan yang lebih aktif demi menyekat hagemoni Amerika Syarikat dan sekutunya.

Pemilihan enam negara anggota NAM iaitu Chile, Pakistan, Filipina, Algeria, Angola dan Benin sebagai ahli Majlis Keselamatan PBB perlu dimanfaatkan semaksimum mungkin.

Jumlah ini yang mewakili hampir separuh daripada seluruh ahli Majlis Keselamatan PBB adalah saluran terbaik bagi menyuarakan pandangan rasmi NAM dalam sebarang isu keselamatan antarabangsa, khususnya dalam isu penderaan tahanan perang di Iraq.

Walaupun tidak memiliki kuasa veto (kuasa pembatal), sekurang-kurangnya desakan dan kutukan masyarakat antarabangsa terhadap isu ini dapat disampaikan secara lebih berkesan dan serius.

MPMUM menyarankan supaya semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat awam tidak memandang isu ini sebagai isu remeh yang tiada kaitan dengan kehidupan bermasyarakat di Malaysia.

Budaya mementingkan diri sendiri dan sikap tidak ambil kisah seharusnya dikikis daripada seluruh warga Malaysia. Keamanan adalah hak yang sewajarnya dimiliki dan dinikmati oleh seluruh penduduk dunia.

Lantaran itu, impian untuk mewujudkan dunia yang aman tanpa dibelenggu daripada sebarang bentuk penjajahan adalah tanggungjawab yang terletak di pundak setiap insan yang berjiwa manusia.

Hanya manusia yang berhati binatang saja tidak mengenali dan menginsafi tragedi yang berlaku di negara lain, apatah lagi menghulurkan tangan bagi membantu mereka.

MUHD RAMADHAN FITRI ELLIAS.

Yang Dipertua,
Majlis Perwakilan Mahasiswa Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.

(END)